

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian sedar akan keperluan membina bulatan di Kampung Sungai Lada, Jalan Kinabenua, dan Kampung Lajau memandangkan kawasan ini sering kali berlaku kemalangan dan sudah ada kes kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melaksanakan program menaiktaraf infrastruktur keselamatan jalan raya di sepanjang jalan persekutuan (*Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya*) khususnya di lokasi-lokasi yang dilaporkan kerap berlaku kemalangan jalan raya termasuklah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Melalui program ini, Jabatan Kerja Raya menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memperolehi maklumat kemalangan jalan raya. Butiran terperinci setiap kemalangan raya di Jalan Persekutuan termasuklah punca-punca kemalangan dikongsi bersama oleh PDRM kepada JKR pada setiap bulan agar maklumat tersebut dapat diteliti dan dianalisa bersama-sama dengan data bancian lalu lintas serta sesi audit keselamatan jalan. Cadangan skop kerja naiktaraf bagi jalan yang terlibat di bawah program *blackspot* ini adalah berdasarkan analisa data kemalangan, kajian lalu lintas dan audit keselamatan jalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui JKR telah melaksanakan kajian lalu lintas di lokasi-lokasi yang dibangkitkan. Dapatan kajian mendapati bahawa menaiktaraf persimpangan sedia ada kepada bulatan masih tidak diperlukan pada masa ini kerana isipadu lalu lintas belum mencapai waran kepada pembinaan bulatan. Namun demikian, Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan kajian lalulintas secara berterusan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Lanjutan itu, KKR telah melaksanakan beberapa tindakan selari dengan tujuan tersebut seperti berikut:

1. Bagi simpang tiga Jalan Bebuloh ke Jalan Ranche-Ranche Bebuloh (yang dikenali oleh penduduk Labuan sebagai Jalan Kinabenua), KKR telah melaksanakan kerja menaiktaraf fasiliti keselamatan jalan meliputi

pemasangan lampu jalan dan garisan jalan pada tahun 2019 dengan peruntukan berjumlah RM331,090.00. Berdasarkan rekod, tiada kemalangan yang dilaporkan di persimpangan ini sejak kerja-kerja naiktaraf tersebut siap dilaksanakan.

2. Bagi simpang tiga Jalan Pohon Batu – Jalan Tanjung Aru (yang dikenali simpang di Kampung Lajau), Kementerian ini telah menyenaraikan cadangan Menaiktaraf Simpang Tiga Di Jalan Pohon Batu-Jalan Tg. Aru, W.P. Labuan sebagai senarai keutamaan Kementerian kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan di bawah Rolling Plan 2, RMKe-12. Bagi tindakan proaktif, JKR telah mendirikan papan tanda lalulintas supaya pengguna jalan raya lebih peka dan berhati-hati apabila melalui jalan tersebut. Selain itu juga, sesi libat urus bersama wakil penduduk di kampung terlibat diadakan bagi memberi penerangan kepada pengguna jalan raya khususnya penduduk kampung berhampiran (Kampung Lajau dan Ganggarak) agar mematuhi papan tanda dan amaran lalulintas.

3. Bagi simpang di Sungai Lada, rekabentuk geometrik di jalan tersebut didapati teratur dan isipadu lalu lintas masih rendah. Mengikut rekod kemalangan bagi tahun 2019-2021, hanya terdapat dua kemalangan jalan raya yang dilaporkan di Sungai Lada. Walau bagaimanapun, JKR akan sentiasa menjalankan pemantauan dan kajian lalulintas secara berterusan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKR akan terus komited dan sentiasa melaksanakan pemantauan di slokasi – lokasi berisiko berlaku kemalangan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.